NO SOALAN : 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI AWANG [MARANG]**
TARIKH	**:**	**26 OGOS 2020 (RABU)**

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI AWANG [MARANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menurunkan defisit fiskal belanjawan negara yang dijangka meningkat susulan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Susulan penularan pandemik COVID-19, Kerajaan telah memperkenalkan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi bernilai RM295 bilion untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berdaya tahan. Pakej berkenaan hanya melibatkan suntikan langsung fiskal berjumlah RM45 bilion. Setelah mengambil kira pengurangan hasil berikutan unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih rendah dan kejatuhan harga minyak mentah dunia serta pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan tersebut, defisit fiskal pada tahun 2020 dijangka meningkat sekitar 5.8% hingga 6.0% berbanding 3.2% daripada KDNK. Berdasarkan laporan oleh agensi penarafan antarabangsa Moody's [1], negara serantau juga dijangka mencatat defisit fiskal yang tinggi seperti

Singapura sekitar 15%, Jepun 8%, China 6.7% dan Korea Selatan 4% kepada KDNK masing-masing.

2. Semua langkah yang telah diumumkan dalam pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi tersebut adalah bersifat *one-off* dan tidak akan terus membebankan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana dan panjang. Ini adalah antara strategi Kerajaan bagi mengurangkan defisit fiskal dalam jangka masa sederhana secara berperingkat seterusnya memastikan kedudukan fiskal dan hutang negara kekal pada paras terkawal. Kerajaan akan meneruskan langkah konsolidasi fiskal dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kutipan hasil dan kecekapan perbelanjaan bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pernah menurunkan kadar defisit fiskal sebelum ini daripada 6.7% kepada KDNK pada tahun 2009 selepas krisis ekonomi dunia, atau dengan izin, *Global Financial Crisis*, kepada 3.8% pada tahun 2013 (iaitu lebih kurang 3-4 tahun selepas GFC) dan 3.4% pada hujung tahun 2019. Ini adalah hasil disiplin dan pengurusan fiskal berhemah yang diamalkan oleh Kerajaan.

4. Pada masa ini, Kerajaan mengguna pakai Kerangka Fiskal Jangka Sederhana atau dengan izin, *Medium Term Fiscal Framework* (MTFF) sebagai panduan dalam menggubal strategi ke arah konsolidasi fiskal untuk jangka sederhana (3 hingga 5 tahun) di samping selari dengan Rancangan Malaysia jangka panjang. Selain itu, Kerajaan juga dalam proses merangka Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) untuk memastikan pengurusan fiskal dan hutang yang lebih telus dan berdisiplin.

Nota [1]: Laporan agensi penarafan antarabangsa Moody’s bertarikh 3 Julai 2020 (Singapura), 1 Jun 2020 (Jepun), 14 Mei 2020 (China) dan 23 Jun 2020 (Korea Selatan).

Sekian, terima kasih.